

Semua kaum hadapi masalah jika UMNO lemah — PM

MUAR 18 Ogos — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengirigatkan, orang Melayu dan kaum lain di negara ini akan menghadapi masalah jika UMNO tidak dapat mengekalkan kekuatannya sebagai teras dalam Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah.

Beliau juga mengingatkan orang Melayu tidak akan dapat diselamatkan jika UMNO dipecah lagi menjadikan mereka kepada tiga kumpulan setelah berpecah dua di setengah-setengah tempat sekarang ini.

"Justeru itu, UMNO perlu diperkuatkan, supaya ia terus kekal sebagai teras dalam Barisan Nasional dan kerajaan yang memerintah untuk melindungi kepentingan orang Melayu dan kaum lain," tegasnya ketika berucap merasmikan sidang perwakilan UMNO bahagian Pagoh di sini.

Sidang tersebut berlangsung di Dewan Jubli Intan di sini. Turut hadir ialah Menteri Besar Johor Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd. Yassin, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Haji Yunos Sulaiman, dan lain-lain pemimpin UMNO tempatan.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berharap, orang Melayu memahami bahawa tidak ada parti lain yang mampu bertindak sebagai teras Kerajaan Barisan Nasional kecuali UMNO.

Sebaliknya kata beliau, mereka hendaklah memastikan parti itu dapat meneruskan fungsinya sebagai tulang belakang Kerajaan BN untuk melindungi kepentingan mereka dan kaum-kaum lain di negara ini.

Mengenai Semangat 46, Perdana Menteri berkata, beliau sedar ada cubaan untuk menubuhkan satu lagi

gabungan politik di negara ini dimana orang Melayu akan memainkan peranan kecil sahaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin, gabungan Semangat 46, PAS dan DAP itu tidak akan dapat melindungi kepentingan orang Melayu sekiranya mereka memperoleh kemenangan majoriti di Parlimen untuk menubuhkan kerajaan.

"Kita tidak nafikan kumpulan ini akan memperoleh beberapa kerusi tetapi kerajaan yang didirikan itu nanti akan lemah dan tidak dapat melindungi kepentingan orang Melayu," ujarnya.

Perdana Menteri selanjutnya duka-cita kerana ada kumpulan-kumpulan tertentu yang mengundang PAS dan DAP memecahbelahkan perpaduan orang Melayu di Johor yang disifatkan sebagai kubu kuat UMNO sejak dahulu.

Beliau mengingatkan orang Melayu Johor bahawa jika PAS dapat bertapak di negeri ini, mereka akan berpecah kerana parti itu nyata membawa ajaran salah seperti tidak boleh bersembahyang dengan orang UMNO dan lain-lain perkara yang tidak ada kaitan langsung dengan agama.

Presiden UMNO itu menyifatkan, dengan bilangan keanggotaan dalam UMNO yang bertambah di Johor sekarang ini sebagai petanda parti itu kembali kukuh di negeri ini sebagaimana sebelum UMNO diharamkan.

Mengenai pembukaan UMNO kepada mereka yang menentang dahulu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sudah ramai di antara mereka telah menyertai parti dan beliau berharap mereka akan sedar adalah amat penting mereka berpendirian yang sama dengan kumpulan majoriti dalam UMNO sekarang.